MUHAMAD MIZAN SAHARI lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KLANG
AZMI ABDULLAH H
[RAYUAN JENAYAH NO: BL-42JSKS-(1-105)-02-2021]
9 APRIL 2022

Abstrak – *Mengambil kira iktibar daripada keputusan kes Tuan Mat Tuan Lonik v. PP tentang had umur seorang lelaki Malaysia, hukuman 1050 tahun yang dijatuhkan terhadap pesalah yang mengaku bersalah bawah kesalahan s. 376B Kanun Keseksaan, adalah satu hukuman yang sememangnya tidak munasabah kerana itu tidak mungkin akan dapat dijalani kerana perayu mustahil akan mencapai umur tersebut. Malahan umur 100 tahun pun jarang dicapai oleh seisi penduduk dunia. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan bersifat 'emotional judgment', jelas 'manifestly excessive' dan adalah suatu hukuman yang berbentuk 'crushing sentence'. Sesuatu hukuman yang dijatuhkan tidak boleh bersifat tidak logik dan tidak munasabah untuk hukuman yang dijatuhkan melebihi jangka hayat seseorang pesalah.*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 376B – Pengakuan salah – Hukuman – Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan – Sama ada tempoh pemenjaraan 1050 tahun 'manifestly excessive' – Kanun Tatacara Jenayah, s. 292*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Rayuan terhadap – Kesalahan bawah s. 376B Kanun Keseksaan – Pengakuan salah – Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan – Sama ada tempoh pemenjaraan 1050 tahun 'manifestly excessive' – Kanun Tatacara Jenayah, s. 292*

Perayu mengaku bersalah terhadap 105 pertuduhan yang kesemuanya bawah s. 376B Kanun Keseksaan dan kesalahan yang menjadi perkara pertuduhan dilakukan ke atas anak tirinya yang berusia 12 tahun. Hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') adalah 10 tahun penjara bagi setiap pertuduhan bermula dari tarikh tangkap dengan kesemua tempoh penjara untuk 105 pertuduhan diperintahkan berjalan secara berasingan, mengakibatkan tempoh pemenjaraan yang perlu dilalui oleh perayu mencecah tempoh 1050 tahun. Dengan itu, tempoh hukuman penjara tersebut dirayu kerana itu disifatkan sebagai 'manifestly excessive.'

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) Mahkamah perlu menilai banyak faktor apabila menjatuhkan hukuman dan perlu juga ditekankan dalam mengatakan bahawa hukuman yang telah dijatuhkan adalah keterlaluan ke atas perayu, namun mahkamah

A tidak boleh memandang sepi terhadap nasib yang telah dialami oleh mangsa dalam kes ini yang baru berusia 12 tahun semasa kejadian jenayah bermula. (perenggan 14)

(2) Sesuatu hukuman yang dijatuhkan tidak boleh bersifat tidak logik dan tidak munasabah untuk hukuman yang dijatuhkan melebihi jangka hayat B seseorang pesalah. Namun begitu, mahkamah tidak patut mengelak daripada menjatuhkan hukuman yang amat berat apabila itu bersesuaian dan dibuat dengan pertimbangan yang betul. (pereggan 17 & 18)

(3) Perayu sekarang berumur 34 tahun. Mengambil iktibar daripada keputusan dalam kes *Tuan Mat Tuan Lonik v. PP* tentang had umur C seorang lelaki Malaysia, hukuman 1050 tahun adalah satu hukuman yang sememangnya tidak munasabah kerana itu tidak mungkin akan dapat dijalani kerana perayu mustahil akan mencapai umur tersebut. Malahan umur 100 tahun pun jarang dicapai oleh seisi penduduk dunia. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan HMS adalah bersifat suatu D 'emotional judgment' dan jelas 'manifestly excessive.' Ini juga adalah nyata suatu hukuman yang berbentuk 'crushing sentence' dan oleh itu, campur tangan di peringkat rayuan adalah suatu kemestian. (perenggan 22 & 23)

E **(4)** Untuk mengenakan hukuman maksima 30 tahun bagi pertuduhan yang dihadapi perayu dengan kesemua hukuman berjalan serentak bagi kesemua 105 pertuduhan yang mengakibatkan perayu menjalani tempoh 30 tahun pemenjaraan bagi perbuatan keji yang dilakukannya adalah bersifat tidak adil kepada mangsa kejadian ini. Dengan itu, menggunakan kuasa di peringkat rayuan dan mengambil kira s. 292 F Kanun Tatacara Jenayah, mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan rayuan atas hukuman dan memerintahkan supaya keseluruhan hukuman penjara yang perlu dihadapi oleh perayu adalah berjumlah 42 tahun. Hukuman penjara 1050 tahun yang dijatuhkan oleh HMS diketepikan. (perenggan 24 & 25)

G **Kes-kes yang dirujuk:**
Abd Rahim Abd Rahaman v. PP [2010] 8 CLJ 519 CA ***(dirujuk)***
Tuan Mat Tuan Lonik v. PP [2009] 4 CLJ 638 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 173(b), 288, 292
H Penal Code, ss. 376B, 377B

Bagi pihak perayu - KA Ramu & Vemal Arasan; T/n KA Ramu Vasanthi & Assocs
Bagi pihak pendakwaan - Aimi Syazwani Sarmin; TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

I

PENGHAKIMAN

Azmi Abdullah H:

Latar Belakang Rayuan

[1] Perayu di dalam kes ini telah mengaku salah terhadap 105 pertuduhan yang kesemuanya di bawah s. 376B Kanun Keseksaan yang mana kesalahan yang menjadi pertuduhan adalah dilakukan ke atas anak tirinya yang berusia 12 tahun.

[2] Hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah 10 tahun penjara bagi setiap pertuduhan bermula dari tarikh tangkap dengan kesemua tempoh penjara untuk 105 pertuduhan adalah berjalan secara berasingan (consecutive) yang mengakibatkan tempoh pemenjaraan yang perlu dilalui oleh perayu adalah mencecah tempoh 1050 tahun.

[3] Dengan itu, tempoh hukuman penjara tersebut adalah dirayu kerana ianya disifatkan sebagai "manifestly excessive".

[4] Hukuman sebatan yang dijatuhkan Hakim Mahkamah Sesyen adalah jumlah maksima 24 sebatan sepertimana diperuntukkan oleh s. 288 Kanun Tatacara Jenayah.

[5] Setelah melihat rekod rayuan iaitu Jilid 2, Jilid 2 Tambahan dan Jilid 2 Tambahan 1, mahkamah ini berpuas hati bahawa Hakim Mahkamah Sesyen tidak melakukan kekhilafan dalam menerima pengakuan salah perayu dan oleh itu sabitan daripada pengakuan salah perayu adalah patut dikekalkan.

[6] Kesemua pertuduhan telah dibacakan kepada perayu dan perayu membuat pengakuan salah setelah memahami kandungan pertuduhan serta kesan pengakuan salah yang dibuat. Kehendak s. 173(b) Kanun Tatacara Jenayah telah dipatuhi semasa prosiding di Mahkamah Sesyen.

[7] Di dalam nota keterangan, bagi setiap pertuduhan initial PBTF digunakan yang membawa maksud "pertuduhan dibaca, tertuduh faham." Kemudiannya MS digunakan yang membawa pengertian "mengaku salah." Disusuli pula dengan FSAP untuk "faham sebab akibat pertuduhan" dan MMS yang memberi maksud "masih mengaku salah".

[8] Mengikut alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen, perenggan 1 menyatakan bahawa fakta kes untuk kesemua 105 pertuduhan telah dibacakan dan diakui benar oleh perayu. Kesemua pertuduhan dan fakta kes telah ditandakan sebagai ekshibit secara satu persatu semasa presiding Mahkamah Sesyen berjalan.

A **Pertimbangan Mahkamah**

[9] Dari segi hukuman, s. 376B Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa hukuman penjara yang boleh dijatuhkan adalah mencapai 30 tahun dan dengan itu, hukuman 10 tahun penjara bagi setiap pertuduhan adalah satu hukuman yang berada di dalam kerangka hukuman yang boleh dijatuhkan
B oleh Hakim Mahkamah Sesyen bagi pertuduhan ini.

[10] Walau bagaimanapun, Hakim Mahkamah Sesyen di dalam kes ini menggunakan budi bicaranya untuk kesemua 10 tahun penjara tersebut berjalan secara berasingan ataupun consecutive dan ini telah menjadikan keseluruhan hukuman penjara mencecah 1050 tahun penjara iaitu satu jumlah
C yang boleh dikatakan sebagai satu rekod untuk pemenjaraan di negara kita.

[11] Bagi kes ini, semua pertuduhan melibatkan mangsa yang sama dengan kejadian berlaku di alamat yang sama. Bila diteliti fakta-fakta kes, semua kejadian adalah berlaku dengan cara yang lebih kurang sama.

D **[12]** Mahkamah ini telah meneliti kesemua pertuduhan dan didapati seperti berikut:

(i) Bagi kes no. BL-62JSK-87-01-2018 – BL-62JSK-140-01 merangkumi 54 pertuduhan bagi kejadian-kejadian yang berlaku dalam tahun 2018.

E (ii) Bagi kes no. BL-62JSK-191-01-2021 – BL-62JSK-194-01/2021, ianya adalah empat pertuduhan untuk kejadian yang juga berlaku dalam tahun 2018. Dengan itu, jumlah pertuduhan untuk kejadian pada tahun 2018 adalah 58.

(iii) Bagi kes no. BL-62JSK-141-01-2021 – BL-62JSK-176-01-2021 adalah
F 35 pertuduhan bagi kejadian yang berlaku pada tahun 2019.

(iv) Bagi kes no. BL-62JSK-177-01-2021 hingga BL-62JKS-188-01-2021 adalah 12 pertuduhan bagi kejadian yang berlaku dalam tahun 2020.

[13] Sehingga kini, tiada nas yang mengatakan bahawa jumlah hukuman
G yang boleh dijatuhkan oleh sesuatu mahkamah bagi pertuduhan yang banyak (multiple charges) tidak boleh melebihi suatu angka yang disifatkan sebagai maksima (there is no authority that states that the total amount of imprisonment by the court for multiple charges should not exceed a certain figure deemed as a maximum).

H **[14]** Namun begitu, mahkamah dalam menjatuhkan hukuman perlu menilai banyak faktor dalam menjatuhkan hukuman dan perlu juga ditekankan di sini dalam mengatakan bahawa hukuman yang telah dijatuhkan adalah keterlaluan ke atas perayu, namun mahkamah tidak boleh memandang sepi terhadap nasib yang telah dialami oleh mangsa yang mana
I di dalam kes ini baru berusia 12 tahun semasa kejadian jenayah bermula.

[15] Di dalam nas *Tuan Mat Tuan Lonik v. PP* [2009] 4 CLJ 638 telah dibuat pemerhatian bahawa umur lelaki Malaysia secara puratanya adalah 70 tahun.

[16] Memetik nas tersebut:

> It is statistically accepted that the average lifespan of a Malaysian man is 70 years old whilst that of a Malaysian woman 75 years. In time the average lifespan will increase, that being so with the appellant now 48 years old, on average he has 22 years of good life left. To impose a sentence that will take him until the age of 123 years old and knowing fully well that he will never serve that full term, not only is bizarre but strains the intelligence of the Court. Any illogical sentence may attract unnecessary scrutiny and negative comments from the public on how we awkwardly conduct ourselves.

[17] Nas ini memberi panduan kepada mahkamah bahawa sesuatu hukuman yang dijatuhkan tidak boleh bersifat tidak logik dan adalah tidak munasabah untuk hukuman yang dijatuhkan melebihi jangka hayat seseorang pesalah.

[18] Namun begitu, terdapat nas yang menunjukkan mahkamah tidak mengelak dari menjatuhkan hukuman yang amat berat bila ianya bersesuaian dan dibuat dengan pertimbangan yang betul.

[19] Nas *Abd Rahim Abd Rahman v. PP* [2010] 8 CLJ 519 adalah dirujuk. Di dalam kes tersebut, OKT menghadapi 22 pertuduhan di bawah s. 377B Kanun Keseksaan terhadap mangsa yang berumur 14 tahun tujuh bulan. Pertuduhan berjalan di dua Mahkamah Sesyen berlainan.

[20] Bagi 10 pertuduhan di hadapan Mahkamah Sesyen lima hukuman dijatuhkan adalah pemenjaraan untuk tempoh berjumlah 28 tahun manakala di hadapan Mahkamah Sesyen 6 pula menjatuhkan hukuman pemenjaraan untuk tempoh berjumlah 32 tahun untuk 12 pertuduhan lagi. Hukuman penjara adalah berjalan secara consecutive untuk hukuman-hukuman yang dijatuhkan oleh dua Mahkamah Sesyen tersebut menjadikan tempoh pemenjaraan mencapai 60 tahun. Walaupun dirayu, jumlah hukuman 60 tahun penjara tersebut telah dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Rayuan.

[21] Di dalam rayuan di hadapan mahkamah ini, bila diteliti alasan penghakiman, Hakim Mahkamah Sesyen seolah-olah tidak mempertimbangkan langsung latar belakang perayu dalam menjatuhkan hukuman.

[22] Perayu sekarang berumur 34 tahun dan mengambil iktibar daripada keputusan di dalam nas *Tuan Mat Tuan Lonik* tentang had umur seorang lelaki Malaysia, mahkamah ini mendapati hukuman 1050 tahun adalah satu

A hukuman yang sememangnya tidak munasabah kerana ianya tidak mungkin akan dapat dijalani kerana perayu mustahil akan mencapai umur tersebut. Malahan umur 100 tahun pun jarang dicapai oleh seisi penduduk dunia.

[23] Mahkamah dengan ini mendapati bahawa hukuman yang dijatuhkan Hakim Mahkamah Sesyen adalah bersifat suatu "emotional judgment" dan
B jelas "manifestly excessive". Ianya juga adalah nyata suatu hukuman yang berbentuk "crushing sentence" dan oleh itu, campur tangan di peringkat rayuan adalah suatu kemestian.

Hukuman

C **[24]** Mahkamah ini berpendapat untuk mengenakan hukuman maksima 30 tahun bagi pertuduhan yang dihadapi perayu dengan kesemua hukuman berjalan serentak bagi kesemua 105 pertuduhan yang mengakibatkan perayu menjalani tempoh 30 tahun pemenjaraan bagi perbuatan keji yang dilakukannya adalah bersifat tidak adil kepada mangsa kejadian ini.

D **[25]** Dengan itu, menggunakan kuasa di peringkat rayuan dan mengambil kira s. 292 Kanun Tatacara Jenayah, mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan rayuan atas hukuman dan memerintahkan seperti berikut:

(i) Hukuman untuk 58 pertuduhan yang berlaku pada tahun 2018, hukuman
E 14 tahun penjara bagi setiap pertuduhan yang berjalan serentak atau concurrent.

(ii) Hukuman untuk 35 pertuduhan yang berlaku pada tahun 2019, hukuman 14 tahun penjara bagi setiap pertuduhan yang berjalan serentak atau concurrent.

F (iii) Hukuman untuk 12 pertuduhan yang berlaku pada tahun 2020, hukuman penjara 14 tahun bagi setiap pertuduhan yang berjalan serentak atau conccurrent.

(iv) Walau bagaimanapun, hukuman-hukuman untuk pertuduhan-
G pertuduhan bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 akan berjalan secara berasingan atau consecutive.

(v) Maka dengan itu, keseluruhan hukuman penjara yang perlu dihadapi oleh perayu adalah berjumlah 42 tahun.

(vi) Dengan itu, hukuman penjara 1050 tahun yang dijatuhkan oleh Hakim
H Mahkamah Sesyen adalah diketepikan.

I